

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PERGIGIAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 NOVEMBER 2002

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>					
<b>Gred U41</b>	:	P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
		P2T1	RM1821.92	-	P2T24	RM4367.76
		P3T1	RM1909.04	-	P3T24	RM4624.28
<b>Gred U44</b>	:	P1T1	RM2633.83	-	P1T14	RM4364.13
		P2T1	RM2920.60	-	P2T14	RM4823.93
<b>Gred U48</b>	:	P1T1	RM3853.51	-	P1T8	RM5115.54
		P2T1	RM4235.87	-	P2T8	RM5599.54
<b>Gred U52</b>	:	P1T1	RM4341.14	-	P1T8	RM5603.17
		P2T1	RM4752.54	-	P2T8	RM6116.21
<b>Gred U54</b>	:	P1T1	RM4572.25	-	P1T8	RM5950.44
		P2T1	RM4976.39	-	P2T8	RM6492.52

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah dalam ilmu pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T5); atau  
  
(ii) ijazah dalam ilmu pergigian yang diiktiraf oleh kerajaan dan telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia berdasarkan Seksyen 12(3) Akta Pergigian 1971.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T5);
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pegawai Pergigian Gred U41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pegawai Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
5. Pegawai Pergigian Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pegawai Pergigian Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pegawai Pergigian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44**
9. Pegawai Pergigian Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48**
10. Pegawai Pergigian Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U52**
11. Pegawai Pergigian Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U54**

12. Pegawai Pergigian Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pergigian Gred U54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

13. Pegawai Pergigian Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.7.1997 [Surat Pemakluman Skim Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1997, JPA(S)324/6/46 Klt. 2 (67)].